

SULIT



**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2021/2022**

Februari/Mac 2022

HSI310 – Sejarah Dunia Islam

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN (8) soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab SATU (1) soalan dari Bahagian A dan TIGA (3) soalan dari Bahagian B.

- 2 -

Bahagian A

1. Jelaskan pengaruh ilmu *Muthālah Hadith* seperti penggunaan metodologi *'Ilm al'Jarh wa al-Ta'dil* dan kaedah *Asmā 'al-rijāl* dalam tradisi persejarahan Arab pada kurun ke-7 Masihi.

[100 markah]

2. Bandingkan ciri-ciri penting yang membezakan tradisi persejarahan golongan *mujhaddithin* seperti Urwa Ibn al-Zubayr dan Abān Ibn 'Uthmān dengan penulisan sejarah kelompok *akhbāriyūn* pada kurun ke-9 Masihi seperti 'Awwānah dan Abū Mikhnaf di Kufah.

[100 markah]

Bahagian B

3. Menurut Ibrahim al-Samurra dalam *Fi al-Lahajat al-'Arabiyyah* (1994) bahawa konsep *jāhiliyah* pada zaman Arab klasik tidak boleh digunakan sebagai rujukan dalam membincangkan makna *jāhiliyah* dalam Al-Qur'an. Hal ini kerana terma *jāhiliyah* mempunyai beberapa makna yang saling berkontradiksi disebabkan kepelbagaiannya linguistik.

Berdasarkan pernyataan di atas, bandingkan takrifan konsep *jāhiliyah* oleh para sarjana dan hujah-hujah mereka dalam memperincikan sejarah kehidupan masyarakat Arab sebelum Islam.

[100 markah]

4. Para orientalis seperti Montgomery Watt (1968) dan Robert Serjeant (1964) merumuskan bahawa konsep *ummah* dalam *Sahīfah Madinah* hanyalah satu konfederasi politik yang disertai oleh orang Islam dan bukan Islam. Sementelah sarjana Islam seperti Abu A'la Maudūdī (1967) mentakrifkan konsep *ummah* terhad kepada orang Islam di Madinah sahaja.

Bersandarkan kepelbagaiannya takrifan terhadap konsep *ummah* di atas, teliti status orang Islam dan komuniti Yahudi di Yathrib menurut artikel-artikel utama dalam *Sahīfah Madinah*.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

5. Cendikiawan Al-Azhar, Ali Abdul Raziq dalam karya kontroversinya *Islam wa Usul al-Hukum* (1925) telah menyanggah pandangan Muhammad Rashid Ridā dalam kitab *Al-Khilafah wa Imamat al-Uzma* (1922) bahawa "institusi *khilafah Islamiyyah* ialah sebuah institusi agama. Menentang khalifah bermakna menentang Islam".

Merujuk kepada dua aliran pandangan yang berbeza di atas, selidiki secara cermat kewajaran penentangan Mu'awiya ibn Abi Sufyan terhadap institusi *al-Khilafah ar-Rashidun* pimpinan 'Ali ibn Abi Talib r.a. dalam Perang Siffin pada 657 Masihi dan tindakan Mu'awiya melantik Yazid sebagai khalifah pada tahun 680 Masihi.

[100 markah]

6. Revolusi 'Abbasiyah yang tercetus pada tahun 750 Masihi bukanlah berpunca daripada dendam Abu al-'Abbas 'Abdu'llah al-Saffah terhadap Khalifah Marwan ibn Muhammad, sebaliknya peristiwa ini ialah konspirasi puak Syiah sejak tragedi Karbala pada 680 Masihi dan kebencian komuniti Parsi terhadap pemerintahan gabenor Iraq, al-Hajjaj ibn Yusuf al-Thaqafi.

Analisiskan ketepatan pandangan ini.

[100 markah]

7. Menurut Maria Rosa Menocal dalam *The Ornament of the World* (2003), komuniti Yahudi Sephardic telah mencapai zaman keemasan di Eropah dengan kemunculan tokoh intelektual seperti Hasdai ibn Saprut, Moses ibn Ezra dan Dunas Ben Labrat pada era pemerintahan Abd al-Rahman III dan Al-Hakam II sebagai Khalifah Cordoba di Al-Andalus.

Berdasarkan pernyataan di atas, analisiskan keberkesanan dasar-dasar pemerintahan dua orang khalifah ini yang menyumbang kepada kegemilangan budaya Judaisme di Semenanjung Iberia pada kurun ke-14 Masihi.

[100 markah]

...4/-

SULIT

- 4 -

8. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas menerusi karya beliau *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1999) bahawa ‘ciri-ciri luar’ seperti dalam teori kedatangan Islam dari Gujerat India yang hanya berdasarkan bukti tinggalan batu nisan hendaklah ditolak. Sebaliknya ‘ciri dalaman’ melalui persuratan Islam yang mempunyai nilai rasionalisme, keagamaan yang luhur dan falsafah intelektualisme hingga merevolusikan pandangan hidup masyarakat Melayu merupakan asal tersebarnya Islam ke rantau ini.

Dengan merujuk kepada pandangan Syed Naguib di atas, jelaskan sumbangan gerakan sufisme dalam penyebaran Islam di Nusantara pada kurun ke-16 Masihi.

[100 markah]

- oooOooo -